



Kami berpuas hati dengan prestasi keseluruhan Maxis pada tahun 2021 yang telah mempamerkan ketangkasan dan kebolehsuaian untuk berdepan dengan persekitaran operasi yang amat mencabar, bukan sahaja terhadap Maxis malah, kerajaan, perniagaan, komuniti dan seluruh rakyat. Tekanan emosi, mental dan ekonomi berikutan pandemik COVID-19 serta sekatan pergerakan yang selanjutnya tidak boleh dipandang remeh.

Sepanjang 2021, pandemik COVID-19 terus memberi impak kepada ekonomi Malaysia. Tanda-tanda awal pandemik yang semakin reda pada suku ke-4 2020 pudar dengan pantas apabila timbulnya pelbagai gelombang jangkitan baharu yang menyebabkan naik turun dalam permintaan terhadap barangan dan perkhidmatan. Adalah amat mencabar bagi Maxis untuk mengharungi ketidakpastian dan kerumitan yang berterusan dengan berulangnya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Keputusan kewangan kami jelas menunjukkan bahawa kami mampu mencipta nilai untuk pihak berkepentingan kami meskipun kami menghadapi pelbagai cabaran seperti yang tersebut di atas.


Secara keseluruhannya, pandemik ini telah mempercepat gaya hidup bercirikan digital dalam kalangan pengguna, dan menyerlahkan kepentingan pendigitalan kepada perniagaan, khususnya PKS. Penggunaan harian teknologi maklumat berkembang secara drastik dengan meningkatnya penggunaan persidangan video, peralatan pembelajaran, aktiviti e-dagang dan pelbagai alat produktiviti dan komunikasi. Lonjakan pembelian dalam talian juga menjadikan kepentingan digital lebih jelas berbanding sebelumnya, ini menunjukkan bahawa kita sedang menuju ke arah dunia digital di mana perkhidmatan pengkomputeran awan dan perkhidmatan berkelajuan tinggi memainkan peranan penting dalam kehidupan seharian.

Di Maxis, kami telah mengorak langkah ke arah menjadi syarikat yang mengutamakan digital. Jutaan pelanggan kami menggunakan aplikasi mudah alih Maxis dan Hotlink secara tetap, membolehkan kami menawarkan tahap perkhidmatan pelanggan yang menghubungkan kami terus kepada telefon pintar mereka. Semua produk dan perkhidmatan teras kami kini tersedia di kedai dalam talian serta tapak e-dagang pihak ketiga. Bagi pelanggan kami, fungsi layan diri kini dilengkapkan dengan bantuan sembang dalam talian yang menggabungkan teknologi AI dan interaksi manusia untuk mengoptimalkan penglibatan pelanggan, seterusnya menyampaikan janji kami untuk memberikan pengalaman peribadi yang tiada tandingan.


Strategi kami untuk memacu pertumbuhan dalam penyelesaian mudah alih, fiber, digital dan Perusahaan beroleh momentum sepanjang 2021. Strategi konvergen kami dahulunya satu aspirasi, namun kini prestasi operasi dan kewangan kami jelas menunjukkan bahawa kami adalah penyedia penyelesaian konvergen yang terkemuka di Malaysia. Oleh itu, kami terus komited untuk mengekalkan kepimpinan kami dalam rangkaian dan perniagaan mudah alih teras, mengembangkan pangkalan pelanggan fiber kami, dan terus menyampaikan nilai tambah yang berbeza kepada mereka.

## TINJAUAN KEWANGAN

### Hasil Perkhidmatan



### Jumlah Langganan Mudah Alih




Hasil perkhidmatan kami meningkat sebanyak 1.9% TK21 berbanding TK20, dipacu oleh perniagaan mudah alih teras yang mempamerkan pertumbuhan stabil dalam Pascabayar, di samping mencatatkan pertumbuhan pantas dalam Fiber dan Jalur Lebar Tanpa Wayar. Kami menutup tirai 2021 dengan jumlah pangkalan pelanggan mudah alih penjana hasil (RGS30) yang kukuh, tidak termasuk pelanggan mesin ke mesin (M2M) sebanyak 9.9 juta, yang menunjukkan pertumbuhan sebanyak 3.7% dari tahun ke tahun.


Nota: Keputusan perbandingan dinyatakan semula untuk mengikut pembentangan semasa.



## EBITDA Dinormalisasi




## Keuntungan selepas Cukai




EBITDA yang dinormalisasi dan Margin EBITDA yang dinormalisasi berbanding hasil perkhidmatan masing-masing meningkat kepada RM3,898 juta dan 48.8% bagi TK2021. Kami mencatatkan Keuntungan Selepas Cukai (PAT) sebanyak RM1,308 juta pada 2021 berbanding RM1,382 juta pada 2020. Pertumbuhan EBITDA tahun ke tahun adalah sejajar dengan peningkatan dalam hasil perkhidmatan manakala PAT terkesan dengan peningkatan susut nilai dan pelunasan spektrum.

## Capex & Aliran Tunai Bebas Operasi



## Hutang Bersih berbanding EBITDA



Perbelanjaan Modal (Capex) pada 2021 adalah sebanyak RM1,187 juta, ini merupakan penurunan sebanyak 4.7% berbanding 2020 sejak transformasi IT utama kami diselesaikan pada 2020. Aliran Tunai Bebas Operasi (OCF) meningkat sebanyak 7.3% kepada RM3,906 juta disumbangkan oleh tumpuan kami terhadap inisiatif modal kerja dan pembayaran Peruntukan Perkhidmatan Sejangat yang lebih rendah pada tahun berkenaan.

Hasil daripada prestasi ini dan langkah pengurusan berhemat kami, jumlah deposit, tunai dan baki bank telah meningkat kepada RM1,191 juta pada penghujung TK2021. Oleh yang demikian, nisbah hutang bersih berbanding EBITDA susut daripada 2.41 kepada 2.32 setakat 31 December 2021.



TINJAUAN PRESTASI PRODUK

Penularan pandemik COVID-19 sepanjang tahun 2021 menyebabkan sekatan pergerakan dan pengurangan pekerja asing, seterusnya mengurangkan pendapatan boleh guna berikutan meningkatnya pengangguran dan penurunan trafik runcit disebabkan oleh PKP. Faktor-faktor ini telah memberi impak kepada hasil Pascabayar, Prabayar dan perayauan antarabangsa kami.


Pascabayar

Hasil perkhidmatan pascabayar bagi TK2021 meningkat sebanyak RM121 juta, iaitu pertumbuhan sebanyak 3.1% tahun ke tahun, kepada RM4,025 juta (TK2020: RM3,904 juta). Pangkalan RGS pascabayar meningkat sebanyak 264,000 iaitu peningkatan sebanyak 7.5% dari tahun ke tahun. ARPU Pascabayar menurun sebanyak 4.7% dari tahun ke tahun daripada RM85 kepada RM81 sebulan, ini sebahagian besarnya disebabkan oleh kesan pencairan nilai akretif daripada peningkatan bilangan pelanggan Pascabayar Hotlink dan peningkatan bilangan talian berkongsi Pascabayar.


Penggunaan data telah meningkat kepada purata 25.9GB sebulan, berbanding purata 19.7GB pada 2020. Peningkatan ini sebahagian besarnya didorong oleh PKP dengan keperluan untuk duduk di rumah dan bekerja dari rumah. Ini juga menyebabkan peningkatan dalam penembusan aplikasi Maxis, yang diterima pakai oleh 62.1% daripada pemegang akaun Pascabayar utama kami pada 2021.

Nota: Keputusan perbandingan dinyatakan semula untuk mengikut pembentangan semasa.


Hasil Pascabayar



Langganan Pascabayar & ARPU



Penggunaan Data & Penembusan Aplikasi Maxis



Prabayar


Hasil perkhidmatan prabayar bagi 2021 merosot sebanyak RM98 juta, iaitu 3.5% kepada RM2,715 juta. Pangkalan langganan Prabayar Kumpulan secara perbandingannya stabil pada 5.96 juta. Pertumbuhan kukuh dalam pelanggan Prabayar Tanpa Had Hotlink mengimbangi kejayaan peralihan pelanggan kepada perkhidmatan Pascabayar Hotlink. ARPU prabayar merosot sedikit sebanyak 2.6% daripada RM39 kepada RM38 sebulan.

Penggunaan data prabayar setiap bulan kekal agak tinggi pada separuh tahun kedua 2021 ketika negara terus menerima normal baharu berikutan pelaksanaan PKP dengan keperluan untuk duduk di rumah dan bekerja dari rumah. Walaupun pasaran Prabayar terus menunjukkan daya saing yang tinggi, kami masih menginovasikan produk dan pengedaran produk kami. Perlu diingat bahawa, meskipun dengan perkembangan semasa pasaran Prabayar dan kejayaan peralihan pelanggan Prabayar kami kepada Pascabayar, Prabayar Hotlink masih lagi berdaya tahan disokong oleh promosi secara peribadi melalui aplikasi Hotlink kami yang memanfaatkan analitik data.


Fiber Kediaman dan Perusahaan

Jumlah hasil Fiber kami meningkat daripada RM545 juta pada 2020 kepada RM660 juta pada 2021, peningkatan sebanyak 21%, TK2021 berbanding TK2020. Kesalinghubungan Fiber kami untuk Fiber Kediaman dan Perusahaan juga meningkat sebanyak 20.7% daripada 444,000 penyambungan pada 2020, kepada 536,000 penyambungan pada 2021. Penerimaan yang lebih baik terhadap pakej berkelajuan tinggi dan naik taraf kepada pelanggan sedia ada membuahkan hasil seperti yang ditunjukkan dalam trend ARPU yang semakin meningkat daripada RM105 sebulan kepada RM109 sebulan, naik 3.8%.


Jumlah Hasil Fiber (Fiber Kediaman + Perusahaan)




Jumlah Penyambungan Fiber




Hasil Prabayar



Langganan Prabayar & ARPU



Penggunaan Data & Penembusan Aplikasi Hotlink





	2021 RM'juta	2020 RM'juta	2021 %	2020 %
<b>Nilai diagihkan</b>				
Kepada Kakitangan	735	670	14%	13%
Kepada Kerajaan	910	905	17%	18%
Kepada Penyedia Modal	1,803	1,819	34%	36%
Disimpan untuk Pelaburan Semula dan Pertumbuhan Masa Hadapan	1,818	1,710	35%	33%
<b>Jumlah Diagihkan</b>	<b>5,266</b>	<b>5,104</b>	<b>100%</b>	<b>100%</b>
<b>Nilai dihasilkan</b>				
Hasil	9,203	8,966	-	-
Tolak: Perbelanjaan Operasi	(4,268)	(4,220)	-	-
Keuntungan Operasi	4,935	4,746	94%	93%
Geran Kerajaan dan Pendapatan Lain	271	274	5%	5%
Pendapatan Kewangan	60	84	1%	2%
<b>Jumlah Nilai Ditambah bagi Pengagihan</b>	<b>5,266</b>	<b>5,104</b>	<b>100%</b>	<b>100%</b>

**PERHUBUNGAN PELABUR**

**Mewujudkan Nilai Jangka Panjang Kepada Pemegang Saham**

Maxis komited dalam memastikan nilai jangka panjang untuk para pemegang saham kami dan telah memberi pulangan tunai yang konsisten melalui pengisytiharan dividen. Bagi tahun kewangan 2021, Maxis memberi ganjaran kepada pemegang saham dengan dividen tunai berjumlah RM1.33 bilion terdiri empat dividen interim setiap satu sebanyak 4.0 sen sesaham dengan dividen interim khas tambahan sebanyak 1.0 sen sesaham pada suku keempat. Jumlah pembayaran dividen sebanyak 17 sen sesaham mewakili hasil dividen sebanyak 3.5% berasaskan harga penutup saham sebanyak RM4.85 setakat penghujung Disember 2021. Cadangan pembayaran dividen tersebut adalah sejajar dengan dasar dividen dan dasar pengurusan modal aktif kami.

**Dasar Dividen**

Dasar penuh dividen kami, seperti yang dinyatakan dalam Prospektus IPO bertarikh 28 Oktober 2009, diterbitkan semula di sini sebagai rujukan: "Pengisytiharan dividen interim dan cadangan dividen akhir adalah tertakluk kepada budi bicara Lembaga Pengarah dan apa-apa dividen akhir bagi tahun tersebut adalah tertakluk kepada kelulusan pemegang saham. Adalah menjadi hasrat Syarikat untuk membayar dividen kepada para pemegang saham pada masa hadapan. Walau bagaimanapun, bayaran tersebut akan bergantung kepada beberapa faktor, termasuk perolehan, keperluan modal, kedudukan kewangan am Maxis, rizab boleh agih Syarikat serta faktor lain yang dianggap relevan oleh Lembaga Pengarah.

Maxis bercadang untuk menerima pakai dasar dividen pengurusan modal aktif. Syarikat mencadangkan untuk membayar dividen daripada tunai yang dijana oleh operasinya selepas mengasingkan pembiayaan

yang diperlukan untuk pengembangan rangkaian dan penambahbaikan serta keperluan modal kerja. Sebagai sebahagian daripada dasar ini, Syarikat menyasarkan nisbah pembayaran tidak kurang daripada 75% daripada PAT yang disatukan di bawah Piawai Perakaunan Diterima Umum ("GAAP") di Malaysia pada setiap tahun kalendar, bermula tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010, tertakluk kepada pengesahan Lembaga Pengarah dan menurut mana-mana undang-undang yang diguna pakai, lesen dan obligasi kontrak, dan dengan syarat bahawa pengagihan tersebut tidak akan menjejaskan keperluan tunai atau mana-mana pelan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarahnya. Pelabur hendaklah mengambil maklum bahawa dasar dividen ini hanya menyatakan hasrat semasa Syarikat dan tidak akan menjadi kenyataan yang mengikat secara sah berhubung dividen masa hadapan Syarikat yang tertakluk kepada pengubahsuaian (termasuk pengurangan atau tiada pengisytiharan mengenainya) atas budi bicara Lembaga Pengarah.

Memandangkan Syarikat merupakan syarikat induk, pendapatan dan keupayaan Syarikat untuk membayar dividen adalah bergantung kepada dividen dan agihan lain yang diterima daripada anak-anak syarikat. Pembayaran dividen atau agihan lain oleh anak-anak syarikat akan bergantung kepada keputusan operasi, keadaan kewangan, rancangan perbelanjaan modal dan faktor-faktor lain yang dianggap relevan oleh lembaga pengarah masing-masing. Dividen hanya boleh dibayar daripada rizab boleh agih. Di samping itu, perkara yang terkandung dalam perjanjian pinjaman, jika ada, bagi anak-anak syarikat mungkin menghadkan keupayaan mereka untuk mengisytiharkan atau membayar dividen tunai.

Nisbah keuntungan selepas pembayaran cukai yang dilaporkan pada tahun kewangan 2018, 2019, 2020 dan 2021 masing-masing adalah sebanyak 87.7%, 103.6%, 96.0% dan 108.0%.



**KOMUNIKASI BERSAMA PEMEGANG SAHAM KAMI**

Maxis kekal komited untuk mengekalkan piawai tertinggi dalam penzahiran dan ketelusan korporat. Dasar penzahiran kami adalah berdasarkan tiga prinsip utama ini:

- i. Mengekalkan komunikasi terbuka dan tetap dengan semua pemegang saham;
- ii. Menyebarkan kemas kini kewangan terkini dan strategik tepat pada masanya dan secara telus; dan
- iii. Memastikan layanan yang saksama dan perlindungan kepentingan pemegang saham.

**Kami berkomunikasi secara aktif dengan pemegang saham**

Kami mengekalkan dialog aktif dengan pemegang saham sepanjang tahun, melalui program perhubungan pelabur terancang yang merangkumi hari korporat dan persidangan pelaburan yang diadakan secara maya. Di samping itu, kami memberi jawapan kepada permintaan dan pertanyaan secara *ad-hoc* berkaitan mesyuarat daripada pemegang saham serta masyarakat pelabur. Program untuk pelabur kami juga disokong laman web yang khusus untuk Perhubungan Pelabur, yang merupakan sumber utama untuk mendapatkan maklumat korporat, data kewangan, pengumuman bursa saham, keputusan suku tahunan, laporan tahunan, acara pelabur akan datang, maklumat saham dan dividen, dan slaid pembentangan pelabur. Laman web Perhubungan Pelabur kami boleh didapati di <http://maxis.listedcompany.com/home.html>.

Kami sering mengadakan perjumpaan bersama para pelabur institusi utama dalam mesyuarat pelabur secara maya ketika kami menyesuaikan diri dengan normal baharu. Kami juga mengadakan sesi tetap bersama para penganalisis kewangan untuk membincangkan prestasi dan strategi perniagaan. Mesyuarat-mesyuarat ini kebiasaannya diacarakan oleh Ketua Perhubungan Pelabur dan dihadiri oleh beberapa ahli pengurusan kanan tertentu termasuk Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pegawai Kewangan & Strategi kami.

Kami percaya dengan penggunaan konstruktif Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) kami. Mesyuarat ini dihadiri oleh Lembaga Pengarah kami dan pasukan pengurusan. Semakan komprehensif ke atas prestasi Syarikat dikongsi dan mana-mana pemegang saham yang hadir juga boleh bertanya kepada Lembaga Pengarah dan pasukan pengurusan ketika mesyuarat ini. Juruaudit luar kami juga hadir untuk menjawab sebarang soalan mengenai pengauditan, penyediaan dan kandungan laporan juruaudit bebas.

Pihak berkepentingan kami, terutamanya pelabur institusi, sangat menitikberatkan cara kami menguruskan hal-hal Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) kami dan cara kami mencipta nilai daripada operasi kami. Menyedari perkara ini, kami telah memulakan inisiatif penciptaan nilai untuk menyepadukan sepenuhnya laporan tahunan kami mengikut Rangka Kerja IIRC untuk memberikan pandangan menyeluruh mengenai strategi dan rancangan pertumbuhan kami serta mengurus risiko utama dan peluang untuk membina dan meneguhkan keyakinan serta meningkatkan prestasi kami pada masa hadapan. Selain itu, kami telah disenaraikan dalam Indeks FTSE4Good Bursa Malaysia sejak 2015. Inisiatif ini dihargai oleh pemegang saham kami dan pihak berkepentingan lain kerana ia merupakan penanda aras amalan tanggungjawab korporat kami. Kami berhasrat untuk mengekalkan dan terus menambah baik kedudukan kami dalam indeks ini pada masa hadapan.

**Maklum balas dan pertanyaan**

Kami mengalu-alukan maklum balas mengenai inisiatif Perhubungan Pelabur kami, serta maklumat lain yang kami sediakan di sini. Sebarang pertanyaan dan permintaan untuk maklumat tersedia kepada pihak awam, komen dan cadangan kepada Syarikat boleh diajukan kepada [ir@maxis.com.my](mailto:ir@maxis.com.my). Kami bersedia untuk memastikan penglibatan secara berterusan dan berkesan dengan para pemegang saham kami.